



TAWARAN SEBUT HARGA

**SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA MEMBINA DAN
MENYIAPKAN PAGAR GALVANISED (ANTI-CLIMB) DI
HADAPAN PINTU MASUK, MEMBINA PONDOK REHAT BARU
DAN KERJA-KERJA MENGECHAT TIANG KONKRIT PADA LALUAN
DI HUTAN PELAJARAN AIR HITAM DALAM, SEBERANG PERAI
UTARA, PULAU PINANG.**

SEBUT HARGA: JPNPP/400-17/2021/57

Dokumen Sebut harga ini mengandungi ...35.. muka surat tidak termasuk lampiran. Pastikan bilangan muka surat adalah mencukupi sebelum anda meninggalkan pejabat ini.

KENYATAAN SEBUT HARGA

(Kew.248)

LAMPIRAN 'Q' KERAJAAN MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG

SEBUT HARGA NO:JPNPP/400-17/2021/57

(Arahan Perbendaharaan No: 107)

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN

Kepada :

.....
.....
.....
.....
.....

Pelawaan Sebutharga
dikeluarkan oleh:
JABATAN PERHUTANAN
NEGERI PULAU PINANG
TINGKAT 34, MENARA KOMTAR
10000 PULAU PINANG

1. Sila beri sebutharga bagi perkhidmatan yang disenaraikan dibawah tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Syarat-syarat serahan : Apabila kerja siap mengikut spesifikasi atau diluluskan oleh Pengarah Perhutanan Negeri atau wakilnya.
3. Tarikh dikehendaki diserahkan / sempurnakan : Secepat mungkin.
4. Pengirim : Alamatkan kepada Pengarah Perhutanan Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri, Tingkat 34 Menara Komtar, 10000 Pulau Pinang.
5. Pembayaran : Melalui Inden Kerja.
6. Sebut harga mestilah sampai dialamat diatas tidak lewat daripada jam **12.00 tengahari** pada **5/10/2021** dan hendaklah sah selama 90 hari (sembilan puluh hari) selepas itu.
7. Sebut harga mestilah dimasukan dalam sampul surat berlakri ditanda "Sebutharga no : **JPNPP/400-17/2021/57**

Tarikh :

Nama :

Jawatan :

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG

Sebut harga Untuk :

**SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA MEMBINA DAN
MENYIAPKAN PAGAR GALVANISED (ANTI-CLIMB) DI
HADAPAN PINTU MASUK, MEMBINA PONDOK REHAT
BARU DAN KERJA-KERJA MENGECHAT TIANG KONKRIT
PADA LALUAN DI HUTAN PELAJARAN AIR HITAM
DALAM, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.**

Sebut harga No : **JPNPP/400-17/2021/57**

Kami/saya dengan ini menawarkan perkhidmatan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat/ spesifikasi kerja dan syarat-syarat kontrak yang telah ditetapkan dengan harga seperti berikut:

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
1.0	KEHENDAK-KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM. KEHENDAK KONTRAK.			
1.1	Menyediakan insuran berkaitan dengan kerja-kerja seperti berikut:- a) Insuran Pampasan Pekerja (Workmen Compensation dan/ atau Nombor Pendaftaran dengan PERKESO bagi kesemua pekerja. b) Insuran Liabiliti Awam dan/ atau Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam butir-butir Ringkasan Sebut harga)	Pukal		
1.2	Menyediakan laporan bergambar bagi kerja-kerja sebelum, semasa dan selepas siap kerja sebanyak 2 salinan dan 1 soft copy berbentuk CDR.	Pukal		
	JUMLAH KECIL			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
2.0	MENGECAT TIANG KONKRIT			
2.1	Kerja-kerja membersih permukaan lama Tiang Konkrit Sedia Ada sebelum kerja-kerja mengecat baru dijalankan. (RUJUK DI TAPAK)	602.49m ²		
2.2	Kerja-kerja mengecat dengan 2 lapisan "undercoat" dan 2 lapis "finishing" dari jenis "weathershield" pada permukaan Tiang Konkrit Sedia Ada mengikut kod warna yang ditentukan dengan Warranty 5 Tahun dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa. (RUJUK DI TAPAK)	602.49m ²		
3.0	MEMBINA PAGAR			
3.1	Kerja-kerja mengorek lubang stump bersaiz 300mm x 300mm x 300mm	6 No		
3.2	Kerja-kerja konkrit stump' nisbah (1:2:4-9mm HINGGA 20mm) bersaiz 300mm x 300mm x 300mm	6 No		
3.3	Kerja-kerja mengadakan jentera, pekerja, alat kelengkapan untuk membekal dan memasang pagar dari jenis (Heavy galvanized High Security Fencing) 1800mm x 2400mm mengikut spesifikasi pembekal Heavy Galvanized SSM FA 1800 (50mm x 150mm x 5mm) dan lain-lain kerja yang berkaitan dengannya mengikut spesifikasi dan arahan Pegawai Penguasa. (RUJUK LAMPIRAN YANG DISEDIAKAN)	5 No		
	JUMLAH KECIL			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
3.4	Kerja-kerja membekal dan memasang tiang berdiameter 60mm x 2400mm (H) dan segala kelengkapan dan kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa. (RUJUK LAMPIRAN YANG DISEDIAKAN)	6 No		
4.0	PAPAN HURUF NAMA			
4.1	Kerja-kerja menyediakan dan memasang huruf timbul "  HUTAN PELAJARAN AIR HITAM DALAM SEBERANG PERAI UTARA " papan huruf tanda bersaiz : 300" x 18" (H) x 1.5" (Tebal), material : GI plate/ white painting finishing di pasang atas pagar BRC roll on top yang baru tepi pintu pagar utama dan kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa.	Pukal		
5.0	PINTU PAGAR			
5.1	Kerja-kerja membekal dan memasang pintu pagar (Gelongsar) dari jenis besi stainless steel termasuk pemasangan 2 unit tiang jenis besi stainless steel dengan diameter 100mm dan termasuk memasang track ke dalam lantai konkrit serta memotong, menebuk, meribet serta aksesori berkaitan bersaiz 4.5m (P) x 2.0(T) dan kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa. (Rujuk Lampiran Yang Disediakan)	1 No		
	JUMLAH KECIL			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
6.0	TIANG BENDERA			
6.1	Kerja-kerja membina, memasang dan membuka papan acuan serta menghampar lapisan konkrit nisbah (1:2:4-9mm HINGGA 20mm) untuk tempat tiang bendera berukuran 7' (panjang) x 3' (lebar) x 1' (tinggi) termasuk membekal 3 tiang bendera jenis ' stainless steel ' bersaiz 60mm sepanjang 5.5 meter, termasuk mencurah lapisan batu ' Pebble Wash Stone ' pada keseluruhan permukaan jenis berkualiti tinggi atau setaraf denganya bersaiz 5mm-10mm bersimen setebal 25mm dikemaskan dengan satu lapisan 'sealant' dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.	1 No		
7.0	BANGUNAN INFORMASI			
7.1	Kerja-kerja membuka serta membuang Gutter Aluminium sedia ada pada bangunan informasi.	17 Meter		
7.2	Kerja-kerja membaiki kerosakan permukaan lantai konkrit perjalan kaki sedia ada supaya selamat digunakan dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa Anggaran Keluasan 28.5m (P) x 45mm (T) (RUJUK DI TAPAK)	Pukal		
	JUMLAH KECIL			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
7.3	Kerja-kerja membekal dan memasang tiang penyokong jenis ' stainless steel ' bersaiz 50mm setinggi 1.7 meter.	3 No		
7.4	Kerja-kerja membekal bahan, buruh, peralatan dan segalanya untuk mengikut tali nylon 30mm ke Tiang Susur Tangan baru dengan ketat ke tempat-tempat yang akan di tunjukkan oleh pihak penguasa serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya mengikut arahan Pegawai Penguasa.	60 Meter		
7.5	Kerja-kerja mengikat besi tetulang 4Y12 diikat dengan R6 – 150mm c/c untuk Tiang Susur Tangan bersama konkrit nisbah (1:2:4-20mm) serta penyediaan, pemasangan dan membuka papan acuan dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa. Saiz : 200mm x 200mm x 1220mm= 5No Saiz : 127mm x 127mm x 1220mm= 3No	Pukal		
8.0	MEROBOH/ MEMBUANG PONDOK REHAT			
8.1	Kerja-kerja membuang keseluruhan PONDOK REHAT KAYU sedia ada yang telah reput/hampir jatuh di kawasan tepi sungai termasuk kerja-kerja membawa keluar sisa-sisa kayu/ konkrit serta kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Penguasa seperti yang dinyatakan mengikut pelan dan arahan Pegawai Penguasa. Pondok 1 & 2 = 3.0m (P) x 3.0m (L) Pondok 3 = 3.5m (P) x 3.5m (L) (RUJUK DI TAPAK)	Pukal		
	JUMLAH KECIL			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
9.0	MEMBINA PONDOK REHAT BERUKURAN 10' X 10' (RUJUK GAMBAR PONDOK YANG DILAMPIRKAN)			
9.1	Kerja-kerja mengorek tanah bersaiz 2'(P) x 2'(L) x 2'(T) untuk Asas Pad termasuk memasang acuan sebanyak 4 lubang (Dengan Tangan) dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa. (RUJUK DI TAPAK)	4 No		
9.2	Kerja-kerja menanam cerucuk bakau 3000mm panjang (<i>75mm hingga 100mm diameter</i>) pada jarak 300mm setiap satu pada keseluruhan kawasan asas rakit dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa. (RUJUK DI TAPAK)	16 No		
9.3	Kerja-kerja membekal, menghampar dan memampat " <i>Crusher Run Base</i> " setebal 300mm untuk seluruh lantai Asas Pad dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa	4 No		
9.4	Kerja-kerja mengikat besi tetulang 4Y12 diikat dengan R6 – 150mm c/c untuk Asas Pad berukuran 2'(P) x 2'(L) x 2'(T) bersama konkrit nisbah (1:2:4-9mm HINGGA 20mm) setebal 300mm serta penyediaan, pemasangan dan membuka papan acuan dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.	4 No		
	JUMLAH KECIL			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
9.5	Kerja-kerja mengikat besi tetulang 4Y12 diikat dengan R6 – 150mm c/c untuk Tiang berukuran 7" x 7" x 6' bersama konkrit nisbah (1:2:4-9mm HINGGA 20mm) serta penyediaan, pemasangan dan membuka papan acuan dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.	4 No		
9.6	Kerja-kerja mengikat besi tetulang 4Y12 diikat dengan R6 – 150mm c/c untuk Ground Beam berukuran 6" x 8" x 8" bersama konkrit nisbah (1:2:4-9mm HINGGA 20mm) serta penyediaan, pemasangan dan membuka papan acuan dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.	12.19 Meter		
9.7	Kerja-kerja membekal dan memhampar 1 lapis BRC A10 di seluruh lantai dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.	9m ²		
9.8	Kerja-kerja membina, memasang dan membuka papan acuan serta menghampar lapisan konkrit setebal 100mm nisbah (1:2:4-9mm HINGGA 20mm) dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Penguasa.	9m ²		
	JUMLAH KECIL			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
9.9	<p>Kerja-kerja membekal dan memasang tiang kayu keras bersaiz 125mm x 125mm x 2500mm dan lain-lain kerja yang berkaitan mengikut spesifikasi serta arahan Pegawai Pengguna.</p> <p>SG 1 & 2 (Cengal,Balau,Bitis,Penaga,Kempas, Merbatu, Berlian,Kekatong, Mertas)</p>	4 No		
9.10	<p>Kerja-kerja membekal bahan, peralatan dan buruh untuk memasang struktur kerangka bumbung jenis kayu keras bersaiz 4" x 2" (kasau) dan 2" x 2"(beroti) termasuk menyapu dengan (2) lapisan cat kilat berasas (damar alkayd sintetik dengan tiga lapisan menggunakan cat jenis ICI, JOTUN, NIPPON atau setaraf dengannya.</p> <p>SG 1 & 2 (Cengal,Balau,Bitis,Penaga,Kempas, Merbatu, Berlian,Kekatong, Mertas)</p>	Pukal		
9.11	<p>Kerja-kerja membekal bahan, peralatan dan buruh untuk memasang kemasan bumbung Jenis Metel Deck Gred 28 ketebalan 0.38mm termasuk perabung atau setaraf dipasang mengikut jarak yang disyorkan oleh pengilang dan lain-lain kerja yang berkaitan dengannya mengikut spesifikasi dan arahan Pegawai Pengguna.</p>	Pukal		
9.12	Kerja-kerja dan membekal dan memasang papan kening baru Fascia Board 6mm tebal di sekeliling bahagian luar pondok serta kerja-kerja berkaitan.	12 Meter		
	JUMLAH KECIL			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
9.13	<p>Kerja-kerja membekal dan membina bangku konkit termasuk memasang lapisan Jubin Seramik 200mm x 200mm x 7mm dan lain-lain kerja yang berkaitan dengannya mengikut spesifikasi dan arahan Pegawai Penguasa.</p> <p>(RUJUK LAMPIRAN YANG DISEDIAKAN)</p>	2 No		
10.0	MEMBUANG POKOK			
10.1	<p>Kerja-kerja memotong dan mengalihkan batang pokok yang telah tumbang supaya laluan boardwalk selamat di gunakan mengikut arahan Pegawai Penguasa/Bertugas.</p> <p>Anggaran Saiz 30cm (RUJUK DI TAPAK)</p>	Pukal		
11.0	TONG SAMPAH			
11.1	<p>Kerja-kerja membekal dan memasang RECEPTACLE METAL HANGING BIN Capacity Bin : 70 litres Top x Base dia x Height 465 x 420 x 500mm</p>	5 No		
11.2	Kerja-kerja membekal tong sampah termasuk mengubahsuai dengan memasang klip 2 unit pada tepi tong sampah.	5 No		
	JUMLAH KECIL			

Bil.	Spesifikasi Kerja	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
12.0	KERJA-KERJA PEMBERSIHAN.			
12.1	<p>Kerja-kerja membawa segala sisa buangan pembinaan keluar dari kawasan Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam ke tapak pelupusan yang diiktiraf oleh MPSP.</p> <p>NOTA :</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Anggaran kuantiti di borang adalah untuk memudahkan pemborong menurunkan harga. Adalah tanggungjawab pemborong untuk menentukan kuantiti sebenar bagi skop kerja sebagaimana butiran berikut dan pelan kerja. Pemborong tidak dibenarkan menuntut sebarang tambahan harga jika terdapat kesilapan dalam anggaran Jabatan. ii) Semua ruangan borang ini hendaklah diisikan selengkapnya. Borang yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan. iii) Kerja-kerja tersebut di atas hendaklah dilaksanakan mengikut Spesifikasi JPNPP dan Arahan Pengawai Penguin. 	Pukal		
	JUMLAH KECIL			

JUMLAH KESELURUHAN : RM.....

RINGGIT MALAYSIA :.....

.....

TEMPOH SIAP KERJA:.....MINGGU

.....
**Tandatangan
Metri atau Cop Syarikat**

SYARAT-SYARAT KONTRAK.

- 1.0 Denda.
Denda kelewatan Siap Kerja sebanyak RM25.00 / hari boleh dikenakan.
- 2.0 Sebelum Inden Kerja dikeluarkan, pemborong adalah dikehendaki mengemukakan kepada Jabatan Perhutanan Negeri perkara-perkara berikut:

Polisi – Polisi	Nilai
i. Insuran Kerja	100% dari harga sebut harga
ii. Pampasan Pekerja	30% dari harga sebut harga
iii. Pampasan Am dan	RM10,000 untuk harga sebut harga yang tidak melebihi RM25,000 dan RM25,000 untuk harga sebutharga diantara RM25,000 hingga RM50,000.

- 3.0 Kuantiti yang ditunjukkan adalah sebagai panduan sahaja. Kerajaan berhak menambah atau mengurangkan mengikut kadarnya bagi tujuan sebutharga ini.
- 4.0 Pemborong mestilah memasukkan kadar harga pada tiap-tiap butiran. Jika tidak sebutharga dari pemborong berkenaan akan ditolak.
- 5.0 Pemborong yang **enggan** menandatangani sesuatu sebutharga selepas sebuthanganya diterima atau **menarik balik** sebuthanganya sebelum sesuatu tawaran diumumkan, **pendaftaran akan digantung**.
- 6.0 Sekiranya pemborong **gagal** melaksanakan mana-mana kerja yang telah digariskan di dalam spesifikasi kerja, Jabatan Perhutanan berhak untuk **memotong bayaran** mengikut kadar seperti di dalam harga yang telah disebutkan.
- 7.0 Sekiranya pihak jabatan **tidak berpuashati** di atas kerja-kerja yang telah dijalankan, jabatan boleh **membatalkan** tawarannya atau kontrak yang telah dikeluarkan

Saya yang bertandatangan dibawah dengan ini faham dan bersetuju menerima syarat-syarat / spesifikasi kerja dan syarat-syarat kontrak seperti yang dinyatakan di atas.

.....
(Tandatangan kontraktor)

Nama :

Alamat :
.....
.....

No. Kad Pengenalan :

No. Telefon Pejabat : No. Telefon Bimbit :

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama :

Alamat :
.....
.....

No. Kad Pengenalan :

LAMPIRAN A1
(*SAP bertarikh 1 April 2010*)

**SURAT AKUAN PEMBIDA
Bagi**

(SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN PAGAR GALVANISED (ANTI-CLIMB) DI HADAPAN PINTU MASUK, MEMBINA PONDOK REHAT BARU DAN KERJA-KERJA MENGECHAT TIANG KONKRIT PADA LALUAN DI HUTAN PELAJARAN AIR HITAM DALAM, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG). (JPNPP/400-17/2021/57)

Saya,..... nombor K.P. yang mewakili nombor Pendaftaran dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/ sebut harga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

1. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

1. penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/ sebut harga* di atas; atau
2. penamatan kontrak bagi tender/ sebut harga* di atas; dan
3. lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

2. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/ sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :
No. KP:

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA**2.1 Penyediaan Sebut Harga**

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- (d) Jadual Kadar Harga (jika ada),
- (e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada).

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga **JPNPP/400-17/2021/57** serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.

- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

3. TEMPOH SIAP KERJA *

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi ...8...minggu.

4. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA +

Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan harga **RM ...10.00....** (Ringgit Malaysia:Sepuluh..... sahaja).

5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

6. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

- * Hendaklah diisi oleh Pegawai Mengurus Sebut Harga
- * Pengiraan harga dokumen sebu tharga hendaklah dbuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen tender menerusi SPP yang terkini.

LAMPIRAN A2

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjelas sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

- 2.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja* (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.
- 2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagalmengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9(d).

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

- 3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.
*3.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:
 - (i) Suruhanjaya Tenaga
 - (ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
 - (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
 - (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
 - (v) Pihak Berkuasa Tempatan

▲ Potong jika tidak diperlukan

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor- kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

- 6.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.
- 6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

7. RINGKASAN SEBUT HARGA

- 7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.

- 7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.
- 7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhananya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila Kontraktor diisyiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

11. KERJA PERUBAHAN

- 11.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.
- 11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

- 12.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrikal dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.
- 12.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 12.3 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan SiapKerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja JKR 58 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja JKR 58A kepada Pegawai Inden.

14. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

BORANG SEBUT HARGA KERJA

Sebut Harga Bil :**JPNPP/400-17/2021/57**

JABATAN PERHUTANAN
NEGERI PULAU PINANG
TINGKAT 34, MENARA KOMTAR
10000 PULAU PINANG

Tuan,

Sebut harga untuk

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga Syarat-syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia:(RM).....).

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden.

Bertarikh padaharibulan.....20.....

.....
Tandatangan Kontraktor

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh:.....

Nama Penuh:.....

No. K/P:.....

No. K/P:.....

Alamat:.....

Alamat:.....

Atas sifat:.....

Meterai atau Cop Kontraktor

LAMPIRAN A4

Sebut harga

RINGKASAN SEBUT HARGA (PUKAL)

Bil.	Huraian Kerja	Jumlah Harga Pukal (RM)
Jumlah dibawa ke Borang Sebut Harga		

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....
Tandatangan Kontraktor

Tarikh.....

LATAR BELAKANG KONTRAKTOR

Kontraktor mesti memberikan maklumat sepenuhnya diborang Bahagian A, B, & C ini. Jika tidak mereka dianggap menyalahi syarat-syarat sebutharga.

Bahagian A

1. Nama :
2. Alamat :
3. Kelas : Tajuk/Tajuk Kecil: Tarikh Didaftar
.....
4. Ahli-ahli Pengurusan:

Nama	Jawatan	Kelulusan/Akademik/Iktisas

BAHAGIAN B

Senaraikan tiga kerja-kerja yang TELAH disiapkan.

Nama Projek	Agensi yang mengawasi projek	Harga (RM)	Tempoh	Tarikh siap sebenar

BAHAGIAN C

Senaraikan tiga kerja-kerja yang SEDANG disiapkan.

Nama Projek	Agensi yang mengawasi projek	Harga (RM)	Tempoh	% Kemajuan semasa

LAMPIRAN B**SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**Sila tandakan Bagi Dokumen-Dokumen Yang Disertakan

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh syarikat	Untuk di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka sebut Harga
1	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan /Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Salinan Sijil Akuan Bumiputra Dari Kementerian Kewangan (Bekalan /Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (Bekalan /Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Salinan Sijil Taraf Bumiputra Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Borang Maklumat Penyebut harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9	Pematuhan Kepada spesifikasi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10	Borang Penyerahan Contoh dan Katalog (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11	Cadangan Penyelenggaraan/Penyenggaraan (jika perlu)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh syarikat	Untuk di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka sebut Harga
13	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
14	Surat Akuan Pembida	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
15	Lain-lain Sekiranya Ada	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

<p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>	<p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada).</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>
--	---

KENYATAAN SEBUT HARGA
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG
BIL. SEBUT HARGA : JPNPP/400-17/2021/57

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam **Kelas G1 Taraf Bumiputera Di Bawah Kategori CE Pengkhususan CE21 Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam (Gred-G1-CE21)** dari **Daerah Seberang Perai Utara Sahaja** dan masih dibenarkan membuat sebut harga buat masa ini untuk melaksanakan kerja-kerja berikut:-

No. Sebut harga	Perihal Kerja :
JPNPP/400-17/2021/57	SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN PAGAR GALVANISED (ANTI-CLIMB) DI HADAPAN PINTU MASUK, MEMBINA PONDOK REHAT BARU DAN KERJA-KERJA MENGECHAT TIANG KONKRIT PADA LALUAN DI HUTAN PELAJARAN AIR HITAM DALAM, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.

2. Kontraktor-kontraktor yang berminat dikehendaki menghadiri satu sesi pada **(SELASA) 28/9/2021**. Kontraktor-kontraktor dikehendaki melaporkan diri di **PEJABAT INFORMASI HUTAN PELAJARAN AIR HITAM DALAM DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, JAM 10.00 PAGI SEHINGGA 12.00 TENGAH HARI** pada hari tersebut.
3. Borang sebut harga akan hanya dikeluarkan kepada kontraktor-kontraktor yang hadir pada hari **PENDAFTARAN** sahaja. Untuk maksud ini kontraktor-kontraktor atau penama-penama yang sah dikehendaki mengemukakan **SIJIL PENDAFTARAN ASAL** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang berkaitan Perakuan Pendaftaran Kontraktor,Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputra.
4. **Tiada Lawatan tapak yang akan di jalankan bagi Sebut Harga ini.**
5. Borang sebut harga boleh dibeli melalui Laman Web <http://ep.penang.gov.my> dengan senaskah berharga **RM 10.00** (Ringgit Malaysia : Sepuluh Sahaja) mulai **29/9/2021**.
6. Sebut harga ini akan ditutup pada **(SELASA) 5/10/2021**. Borang tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut harga di Tingkat 34, Pejabat Perhutanan Negeri Pulau Pinang, sebelum **JAM 12.00 Tengahari**.
7. Kerajaan Negeri tidak terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau sebarang sebut harga.

**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI
PULAU PINANG.**

Tarikh :

- 1. Kontraktor/penyebut harga yang hadir perlu menjalani pengukuran suhu badan di Pejabat Informasi Hutan Pelajaran Air Hitam DalamDaerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang sebelum beruruskan bagi mendaftar kehadiran.**
- 2. Kontraktor/ penyebut harga perlu mematuhi arahan Kementerian Kesihatan Malaysia atas pemakaian penutup hidung dan muka (*face mask*) dan pembersih tangan (*hand sanitizer*) ;**
- 3. Kontraktor/ penyebut harga yang disaring dengan suhu 37.5°C atau lebih tidak dibenarkan masuk dan perlu menjalani pengukuran suhu badan semula; dan**
- 4. Penjarakkan sosial perlu dipatuhi setiap masa.**


ITEM NO : 11.0



ITEM : 9.0



ITEM NO : 5.0



ITEM NO : 10.0

